

UPM sasar komersial 100 penemuan, inovasi penyelidik

SERDANG: Universiti Putra Malaysia (UPM) mensasarkan pengkomersialan kira-kira 100 penemuan dan inovasi penyelidikannya dalam masa terdekat, dengan tumpuan diberikan kepada bidang agrobiologi.

Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Zohadie Bardaie, berkata ini termasuk pelbagai kajian dalam bidang seperti pertanian, bioteknologi, biologi, sains pemakanan, bioperubatan dan perhutanan.

"Setakat ini kami sudah komersialkan 10 penyelidikan, manakala kira-kira 100 lagi mempunyai potensi besar untuk dikomersialkan.

"Kami sudah mengadakan per-

bincangan dengan beberapa syarikat untuk dijadikan rakan kongsi dalam usaha ini," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas meraikan kejayaan penyelidik UPM di Pertandingan Penciptaan Teknik Baru dan Produk Antarabangsa ke-32 di Geneva, Switzerland yang diadakan dari 31 Mac hingga 4 April lalu.

Semua hasil penyelidikan UPM yang dikemukakan untuk pengadil-an berjaya pulang dengan pingat termasuk dua emas, enam perak dan dua gangsa.

Zohadie berkata daripada kira-kira RM163 juta geran Program Pe-



SEPULUH penyelidik UPM yang pulang dengan pingat masing-masing dari Pertandingan Penciptaan, Teknik Baru dan Inovasi di Geneva, awal April lalu, diraikan semalam. – Gambar oleh Rosli Rahmat

nyelidikan Mengikut Bidang Keutamaan (Irpa) Rancangan Malaysia Kelapan (RM-8) yang diterima UPM, kira-kira 50 peratus ditumpukan kepada bidang agrobiologi.

Sementara itu, ketua projek formulasi nutraceutical kaya antiok-

sidan semula jadi E-Ory, Prof Madya Dr Maznah Ismail berkata penyertaan UPM di pertandingan antarabangsa itu adalah langkah baik bagi menembusi pasaran Eropah.

Selain mendedahkan penyelidik

kepada mutu penyelidikan yang tinggi, pada pameran dan pertandingan itu banyak pihak yang berminat datang dari seluruh dunia terutama negara Eropah untuk mencari produk baru yang berpotensi dikomersialkan.